

UCHAPAN MENTERI KEBAJIKAN 'AM, SEBAGAI
KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO, MERASMI-
KAN MALAM DERMAJAYA, DI-E & O HOTEL,
PADA 4HB JUN, 1972 JAM 8.00 MALAM.

Saya sunggoh berasa bangga kerana dapat hadhir sendiri untuk melancharkan Malam Dermajaya pada malam ini.

Di-sini, saya suka-lah menyampaikan uchapan setinggi2 tahniah kapada Jawatankuasa yang bertungkus lumus menganjorkan "Malam Dermajaya" ini, dan juga seluroh Pergerakan Wanita UMNO Negeri Pulau Pinang.

Sa-sunggoh-nya, Wanita UMNO Negeri Pulau Pinang-lah yang pertama sekali mengorak langkah untuk melanchar-kan kegiatan bagi menchari wang untuk mengisi Tabong Dermajaya Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Pergerakan Wanita UMNO Malaysia telah menubohkan Tabong Dermajaya ini sebagai menyambut seruan Kerajaan Perikatan untuk menjayakan matlamat2 Dasar Ekonomi Baru. Sebagai satu langkah positif ka-arah ini, penubohan Tabong Dermajaya ada-lah bertujuan untuk mendapatkan sumber2 kewangan bagi menggalakkan kaum wanita khas-nya Wanita UMNO mencheborkan diri ka-dalam bidang2 perda-gangan dan perusahaan.

Untuk melaksanakan Tabong ini, saya telah menugaskan satu jawatankuasa khas, dengan memberikan keperchayaan kapada Y.B. Puan Senator Aishah Ghani sebagai Pengurusinya. Jawatankuasa ini di-anggotai oleh pakar2 ekonomi, undang2 dan ahli2 perniagaan. Di-antara mereka ini ia-lah Puan Rafidah Aziz, pakar ekonomi dan sa-orang Pen-sharah Ekonomi Universiti Malaya, juga Puan Marina Yusoff, sa-orang Peguam, dan Puan Mariam Mohamad.

Suka-lah saya tegaskan di-sini bahawa Tabong Dermajaya Wanita UMNO ini akan menggalak dan membantu wanita2 kita menjalankan kegiatan2 perniagaan dan perusahaan dengan lebeh terator dan progresif.

Penubohan Tabong ini sa-sunggoh-nya ada-lah merupakan satu pembuka mata kapada seluroh bangsa Melayu supaya menyedari kenyataan bahawa bangsa kita sekarang maseh jauh ketinggalan di-belakang dalam bidang perda-gangan dan perusahaan.

Sebagaimana yang telah di-tegaskan oleh pemimpin2 kita, matlamat2 utama Dasar Ekonomi Baru ini ia-lah untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masharakat.

Kemiskinan di-kalangan raayat perlu-lah di-hapuskan dengan segala usaha yang boleh kerana kemiskinan ini boleh menimbulkan rasa tidak puas hati di-kalangan raayat. Ini pula boleh menimbulkan satu perkara rumit yang boleh menghanchorkan perpaduan negara. Struktur masharakat kita perlu di-susun semula dengan menghapuskan pengelalan kaum mengikut kegiatan2 ekonomi yang tertentu.

Dasar Ekonomi Baru ini di-chipta oleh Kerajaan Perikatan untuk kepentingan dan kemakmoran raayat dan negara.

UMNO sebagai tulang belakang Parti Perikatan sudah pasti menyokong kuat matlamat2 dan ranchangan2 Dasar Ekonomi Baru itu.

Sebagai "sayap kiri" dalam UMNO, Pergerakan Wanita UMNO, juga tidak sekali2 berdiam diri, malah berazam untuk berusaha bagi menyahut seruan Kerajaan Perikatan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Orang2 kita maseh jauh ka-belakang di-dalam hak milik dan penguasaankekayaan dan chara2 pengeluaran seperti kabun2 dan ladang2, perusahaan2 membalak, melombong, berkedai, kilang2, sharikat2 pengangkutan dan lain2 perusahaan lagi. Mengikut perangkaan tahun 1969, daripada jumlah \$4,678 juta saham di-dalam sharikat2 berhad di-Malaysia Barat, chuma 1.5 peratus sahaja daripada-nya dimiliki oleh orang2 Melayu. Sementara itu, 62 peratus daripada-nya di-mileki oleh bangsa asing, dan 22 peratus di-mileki oleh orang2 China.

Kenyataan ini jelas menunjukkan wujud-nya kedudukan tidak sa-imbang di-dalam bidang ekonomi negara kita.

Keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang ini-lah yang akan di-hapuskan oleh Kerajaan Perikatan di-bawah Dasar Ekonomi Baru-nya. Di-samping itu, Kerajaan Perikatan berazam untuk menolong menambahkan penyertaan orang2 Melayu di-dalam bidang perdagangan dan perusahaan, sakurang2-nya menjadi 30 peratus, di-bawah Dasar Ekonomi Baru ini. Kerajaan sendiri sudah, sedang dan akan terus menjalankan ranchangan2-nya untuk menchapai matlamat ini, menerusi ajensi2-nya, seperti MARA, PERNAS, UDA, Perbadanan2 Ekonomi Negeri dan lain2 lagi.

Masaalah ini tidak hanya boleh di-selesaikan oleh Kerajaan sahaja, malahan raayat sendiri, terutama sekali bangsa kita perlu bergerak bersama2 dengan Kerajaan dan ajensi2-nya.

Dengan ada-nya kechergasan raayat menyertai bersama2 dengan Kerajaan, maka saya yakin Dasar Ekonomi Baru akan berjaya menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masharakat kita.

Ini-lah harapan dan chita2 semua warganegara Malaysia yang menjunjong chita2 dan perinsip2 RUKUNNEGARA.

Tuan2 dan Puan2 sekelian,

Sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, saya mengalu2kan setiap usaha yang di-jalankan oleh mana2 peringkat Pergerakan Wanita UMNO untuk mengisi Tabong Dermajaya ini, seperti mana yang telah di-jalankan oleh Wanita UMNO Pulau Pinang ini.

Saya berharap Tabong Dermajaya ini akan terus menerus mendapat sambutan hangat dan sumbangan yang menggalakkan daripada masharakat kita, terutama sekali Wanita UMNO.

Kejayaan Dermajaya ini berarti bahawa UMNO khasnya Pergerakan Wanita telah menyumbangkan jasa bakti terhadap kemajuan dan keamkmoran bangsa dan tanah ayer kita.

Saya berharap, Pergerakan Wanita UMNO di-semua negeri dan peringkat akan terus bergiat menjayakan Tabong Dermajaya ini.

Sekian, dan dengan ini, saya dengan sukachita-nya merasmikan "Malam Dermajaya" pada malam ini, dan terima kaseh.